

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kongsi teknologi Gaharu	Utusan Malaysia
2.	All geared up for floods	The Star
3.	Johor on high alert after heavy rainfall prediction	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA AGRO) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 30 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

ISNIN 30.11.15

UTUSAN MALAYSIA

Agro

HASILKAN
SENDIRI
RUMUSAN
SUNTIKAN »8



Agensi
Nuklear
Malaysia
bangunkan
industri
gaharu hasil
R&D untuk
masyarakat



KONGSI TEKNOLOGI GAHARU

Gaharu
Jadi



KERATAN AKHBAR
 UTUSAN MALAYSIA (MEGA AGRO) : MUKA SURAT 6
 TARIKH : 30 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

agro

FAKTA

Produk yang dihasilkan daripada gaharu ialah seperti, kayu gaharu, minyak tulen gaharu, minyak wangi gaharu, teh herba gaharu, kit pengesan minyak gaharu.

CARA-CARA PENGHASILAN PRODUK

Kayu gaharu - Dihasilkan menggunakan teknologi inokulasi yang dibangunkan oleh Nuklear Malaysia dengan kerjasama syarikat Legenda Yakin Sdn. Bhd.

Komersialkan teknologi gaharu

Hasil penyelidikan Nuklear Malaysia bantu jayakan projek komuniti



Oleh LAUPA JUNUS
 laupajunus@hotmail.com



PENDEKATAN memasyarakatkan teknologi dan hasil penyelidikan sewajarnya menjadi agenda besar bagi sebuah negara seperti Malaysia. Ini kerana rakyat termanti-nanti bentuk bantuan yang sewajarnya mereka terima dalam usaha melakukan transformasi sosioekonomi dalam kehidupan.

Teknologi itu memungkinkan mereka mengubah kehidupan atau sekadar membuktikan kejayaan penyidik menghasilkannya.

Oleh sebab itu, kejayaan memasyarakatkan teknologi perlu melihat kepada sejauhmana ia mampu mengubah nasib kumpulan tersebut dan akhirnya member impak yang baik kepada mereka.

Insituisi penyelidikan tempatan perlu menjadikan agenda ini sebagai matlamat penubuhan supaya wang yang dilaburkan tidak sia-sia.

Melihat kepada keperluan tersebut, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) mewujudkan projek komuniti bertujuan menyampaikan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi seperti yang dibuktikan dalam Projek Pembangunan Kilang Ekstraksi Minyak Gaharu di perkampungan Orang Asli Kampung Kedaik, Rompin, Pahang.

Projek komuniti dengan sumbangan dana daripada Kementerian Sains dan Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu merealisasikan pemindahan teknologi dari sebuah loji perintis (dengan inovasi sistem penyulingan berprestasi tinggi) di Nuklear Malaysia ke kilang komersial.

Loji berkenaan mempunyai kemudahan mengekstrak minyak gaharu dari kayu pokok karas (atau di sesetengah tempat dikenali sebagai depu) dan candan, hasil hutan tropika bumi Malaysia.

Operasi kilang yang dikendalikan oleh penduduk Kampung Kedaik melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung Kampung (JKKK) beroperasi mengikut peraturan pengilangan, dan melalui semua proses lazim untuk operasi secara selamat, dari aspek struktur, peralatan, sumber tenaga dan cara bekerja yang sistematik termasuk usaha pematuhan kualiti produk.



SUNTIKAN oleoresin gaharu ke atas pokok karas di plot percubaan, Agensi Nuklear Malaysia.



ANAK benih karas dibiak melalui teknik kultur tisu dibangunkan oleh penyidik Nuklear Malaysia.



DR. CHONG SAW PENG menjalankan penyelidikan minyak gaharu di makmal Nuklear Malaysia Bangi.

